

**PERSEPSI SUKU MELAYU DI KOTAMADYA MEDAN,  
SUMATERA UTARA, TERHADAP PESANTREN MODEN**

**Oleh**

**MASITHAH DEWI GINTING**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan  
(Perancangan dan Pengurusan Pembangunan)**

**Februari  
2002**

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah SWT kerana berkat rahmat-Nya jugalah tesis ini dapat selesai. Dalam pelaksanaan kajian dan penulisan tesis ini, saya dihadapkan pada pelbagai cabaran terutamanya disebabkan oleh terhadnya keilmuan dan kemampuan diri. Saya menyedari sepenuhnya, berkat bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak, akhirnya hal ini dapat di atasi. Sewajarnya pada kesempatan ini saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakan kepada DR. Osman Md. Yusoff, selaku Penyelia Utama dan juga sebagai Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Terima kasih kerana dengan ikhlas telah membahagikan pengalaman dan pengetahuan sekaligus meluangkan sepenuh masa untuk membimbing dengan perhatian, kesabaran dan kearifan selama pengajian saya. Perbincangan-perbincangan akademik dan nasihat ikhlas beliau sangat membantu dalam menuangkan idea-idea saya ke dalam kerja yang sistematis. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada DR. Mansor Mohd. Noor, selaku Penyelia Bersama, yang telah banyak membuka pemikiran saya terutamanya dalam perbincangan teori. Saran dan tunjuk ajar yang beliau berikan sangat membantu dalam penyelesaian tesis. Komen-komen ikhlas beliau menambah keyakinan saya kepada tesis ini.

Terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah membantu dalam memberikan bantuan kewangan khas dan kemudahan lainnya dibawah MoU USM-UISU sehingga saya berpeluang mendapatkan pendidikan serta dapat menyelesaikan kajian ini. Terima kasih juga kepada Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan beserta kakitangan pentadbirannya, yang telah banyak memberikan bantuan dan kemudahan di pusat pengajian. Ucapan yang sama kepada Dekan Institut

Pengajian Siswazah dan seluruh kakitangan pentadbirannya atas perkhidmatan ikhlas selama pengajian di universiti ini. Khas kepada pn. Nooraini Ali, daripada Pusat Bahasa dan Terjemahan, yang telah banyak membantu dalam mengedit dan memperkemas penggunaan bahasa ke dalam bahasa Melayu yang baik.

Sebanyak-banyak terima kasih saya ucapkan kepada para responden; ketua daerah dan kakitangannya, tokoh-tokoh masyarakat dan masyarakat di daerah Kota Bangun, Tanjung Anom, Tanjung Rejo dan Aur; pemimpin pesantren dan para ustaz. Kajian ini dapat diselesaikan atas kesediaan para responden yang dengan ikhlas menjawab soalan-soalan yang diajukan. Khas untuk adik-adik santri di pesantren Raudhah, Al-Kautsar, Darul Arafah dan Nurul Hakim yang dengan ramah tamah dan jujur menceritakan suka-duka kehidupan di pesantren.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan kepada ibu-bapa, **DR. Hj. Mustafa Majnu, MSc dan Hajjah Nurlela Sitepu** dan mertua **Hj. Ahmad Yassin dan (alm) Hajjah Multazam**, yang tiada henti-hentinya mencurahkan kasih sayang, bimbingan dan nasihat untuk terus belajar setinggi mungkin sehingga memberikan semangat kepada saya untuk menyelesaikan tesis ini. Ucapan yang sama untuk suami saya, **Nurman Achmad**, yang dengan ikhlas mengizinkan untuk meneruskan pendidikan, memberikan bimbingan dan nasihat dengan penuh kesabaran dan juga sebagai rakan berdiskusi yang banyak membantu penyelesaian tesis ini. Khas untuk anak-anak saya, **Muhammad Ikhwanul Ihsan**, yang sejak dalam kandungan sehingga sekarang terpaksa merelakan perhatian dan masa bermainnya yang tersita kerana saya mesti menjalani pengajian, dan dua 'permata hati' **Muhammad Farhan** dan **Muhammad Raihan**. Kesempatan ini juga saya gunakan untuk mengucapkan terima kasih kepada Abang/Kakak dan adik-adik tersayang yang selalu setia menghibur

dan memberikan kasih sayang yang tak berputusan. selalu bertukar kegembiraan dan kesusahan. Semoga apa yang kita perjuangkan akan berhasil kita raih.

Akhir kata, kepada Allah SWT saya berdoa semoga senantiasa mendapat redha dari-Nya dan apa yang telah saya lakukan ini bermanfaat bagi kita semua. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Wassalam,

Penulis

## PERAKUAN

Saya mengakui bahawa Tesis ini adalah karya saya sendiri yang setiap nukilan daripadanya telah saya jelaskan dalam Daftar Pustaka. Tesis ini disusun mengikut penulisan sistem Harvard. Tesis ini disusun mengikut kedah bahasa Melayu dan telah diedit oleh pihak Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia.

# KANDUNGAN TESIS

HALAMAN JUDUL	ii	
PENGHARGAAN	iii	
PERAKUAN	vi	
KANDUNGAN TESIS	vii	
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xi	
ABSTRAK	xiv	
ABSTRACT	xv	
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang	1
	1.2 Kenyataan Permasalahan	10
	1.3 Kajian Rintis	14
	1.4 Andaian Asas	15
	1.5 Persoalan Kajian	15
	1.6 Tujuan Kajian	16
	1.7 Ruanglingkup dan Batasan Kajian	17
	1.8 Kepentingan Kajian	19
	1.9 Organisasi Tesis	19
BAB 2	TINJAUAN PUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORITIKAL	
	2.0 Pengenalan	23
	2.1 Pengertian, Tujuan dan Kaedah Pendidikan Islam	23
	2.2 Kerangka Teoriti	35
	2.2.1 Al-Ghazali	35
	2.2.2 Max Weber: Agama dan Rasionaliti	38

2.2.3 Stark dan Brainbridge: Agama sebagai Kompensator	46
2.3 Kesimpulan	49
<b>BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN</b>	
3.0 Pengenalan	54
3.1 Kaedah Penyelidikan	54
3.2 Lokasi Penyelidikan	54
3.3 Konsep-konsep Penting	56
3.4 Responden	58
3.5 Teknik Pengumpulan Data	63
3.6 Teknik Analisa Data	65
3.7 Keterbatasan Kajian	65
3.8 Kesimpulan	67
<b>BAB 4 DESKRIPSI SISTEM PENDIDIKAN DI INDONESIA DAN KAWASAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	68
4.1 Sejarah Ringkas Pendidikan Di Indonesia	68
4.1.1 Sistem Pendidikan Umum	71
4.1.2 Sistem Pendidikan Sekolah Kejuruan	74
4.1.3 Sistem Pendidikan Agama	76
4.1.3.1 Pesantren	76
4.1.3.2 Madrasah	97

	4.2 Deskripsi Kawasan Kajian	
	4.2.1 Deskripsi Kotamadya Medan	100
	4.2.2 Deskripsi Pesantren	104
	4.3 Keadaan Santri dan Pengajar	114
	4.4 Kurikulum	115
	4.5 Aktiviti-aktiviti Pesantren	117
	4.6 Kesimpulan	119
BAB 5	PERSEPSI SANTRI, USTAZ DAN ALUMNI TERHADAP PESANTREN MODEN	
	5.0 Pengenalan	121
	5.1 Kelompok Santri	121
	5.1.1 Identiti Responden	121
	5.1.2 Pandangan Terhadap Pesantren	124
	5.1.3 Kesimpulan	142
	5.2 Kelompok Ustaz dan Alumni	145
	5.2.1 Identiti Responden	146
	5.2.2 Pandangan Terhadap Pendidikan	150
	5.2.3 Pandangan Terhadap Pesantren	158
	6.2.4 Kesimpulan	174
BAB 6	PERSEPSI AHLI-AHLI MASYARAKAT TERHADAP PESANTREN MODEN	
	6.0 Pengenalan	176
	6.1 Identiti Responden (Masyarakat Umum dan Tokoh)	176

6.2 Pandangan Terhadap Pendidikan	179
6.3 Pandangan Terhadap Pesantren	188
6.4 Kesimpulan	208
BAB 7 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
7.0 Pengenalan	211
7.1 Kesimpulan	211
7.2 Cadangan-Cadangan	229
7.3 Implikasi Kajian dan Kerangka Analitika Kajian dalam Mengkaji Tingkahlaku Agama dan Pendidikan	231
7.4 Nasihat Untuk Penyelidikan Lain	233
7.5 Rumusan dan Penutup	233
DAFTAR PUSTAKA	235
LAMPIRAN-LAMPIRAN:	
Lampiran I : Daftar Pertanyaan (Kelompok Masyarakat)	
Lampiran II : Daftar Pertanyaan (Kelompok Santri)	
Lampiran III : Daftar Pertanyaan (Kelompok Ustadz)	

## SENARAI JADUAL DAN RAJAH

### JADUAL

### MUKA SURAT

Jadual	1.1 Jumlah Sekolah Tingkat SMP/SMU dan Pesantren di Kota Medan tahun 1995	10
Jadual	1.2 Jumlah Pelajar Tingkat SMP/SMU dan Pesantren di Kota Medan tahun 1995	10
Jadual	1.3 Jumlah Santri Berdasarkan Suku	14
Jadual	3.1 Pembahagian Wilayah Kecamatan dan Kecamatan	61
Jadual	3.2 Kelurahan Yang Menjadi Lokasi Penelitian	62
Jadual	4.1 Jumlah Santri di Empat-empat Pesantren Kawasan	114
Jadual	4.2 Struktur Program Pengajaran Madrasah Aliyah Pesantren Al Kautsar	116
Jadual	4.3 Kegiatan Harian Santri Pesantren Darul Arafah	117
Jadual	4.4 Kegiatan Mingguan Santri Pesantren Darul Arafah	118
Jadual	4.5 Kegiatan Bulanan Santri Pesantren Darul Arafah	118
Jadual	5.1 Usia responden	122
Jadual	5.2 Jantina	122
Jadual	5.3 Jenis Pekerjaan Ibu-bapa	123
Jadual	5.4 Yang Mendorong Memasuki Pesantren	124
Jadual	5.5 Sumber Informasi Tentang Pesantren	126
Jadual	5.6 Tujuan Sekolah di Pesantren	127
Jadual	5.7 Perasaan Selama Sekolah di Pesantren	130
Jadual	5.8 Sumber Informasi Perkembangan Masyarakat	131
Jadual	5.9 Pelajaran Umum di Pesantren	132
Jadual	5.10 Sikap Terhadap Budaya Asing	133
Jadual	5.11 Kapan dan Dimana Upaya Dilakukan	134
Jadual	5.12 Bentuk Upaya Pencegahan	135
Jadual	5.13 Kesukaran Yang Dialami Sekolah di Pesantren	138
Jadual	5.14 Kemampuan Pesantren Dalam Membantu Mencapai Cita-cita	141
Jadual	5.15 Usia Responden	146
Jadual	5.16 Tingkat Pendidikan Responden	148
Jadual	5.17 Jenis Pekerjaan Responden	149
Jadual	5.18 Sistem Pendidikan Yang Sesuai	150
Jadual	5.19 Bekal Yang Diperlukan	151
Jadual	5.20 Apakah Mengikuti Perkembangan Masyarakat	152
Jadual	5.21 Keadaan Pendidikan Pada masa Sekarang	154
Jadual	5.22 Kemampuan Sekolah Membentuk Anak Didik	155
Jadual	5.23 Aspek Yang Harus Diperbaiki	157
Jadual	5.24 Sumber Informasi Mengenai Pesantren	158
Jadual	5.25 Yang Menunjukkan Pernyataan Pesantren Sudah Maju	159
Jadual	5.26 Faktor Penyebab Kemajuan Pesantren	160
Jadual	5.27 Pelajaran Umum Dalam Pesantren	163
Jadual	5.28 Keyakinan Terhadap Pesantren	164

Jadual	5.29 Upaya Pesantren Supaya Lebih Diminati Masyarakat	165
Jadual	5.30 Pengaruh Pesantren Terhadap Masyarakat	167
Jadual	5.31 Keuntungan Sekolah di Pesantren	168
Jadual	5.32 Kerugian Sekolah di Pesantren	169
Jadual	5.33 Faktor Kelemahan Pesantren	170
Jadual	5.34 Pesantren Perlu Dikembangkan dan Dikekalkan	171
Jadual	5.35 Penyebab Kurangnya Minat Masyarakat Menyekolahkan Anak di Pesantren Moden	171
Jadual	5.36 Adat Melayu Yang Bercanggah Dengan Tradisi Pesantren	172
Jadual	5.37 Pesantren Sebagai Alternatif Pendidikan	173
Jadual	6.1 Usia Responden	177
Jadual	6.2 Status Perkawinan	177
Jadual	6.3 Tingkat Pendidikan Responden	174
Jadual	6.4 Jenis Pekerjaan Responden	174
Jadual	6.5 Sistem Pendidikan Yang Sesuai	180
Jadual	6.6 Bekal yang Diperlukan Anak Didik	182
Jadual	6.7 Sumber Informasi	183
Jadual	6.8 Kondisi Pendidikan Pada masa Sekarang	184
Jadual	6.9 Hubungan Masalah Sosial Pelajar Dengan Sekolah	185
Jadual	6.10 Aspek Berhubungan Antara Masalah Sosial Pelajar dan Sekolah	186
Jadual	6.11 Aspek Yang Harus Diperbaiki	187
Jadual	6.12 Sumber Informasi Mengenai Pesantren	189
Jadual	6.13 Yang Menunjukkan Pernyataan Pesantren Sudah Maju	190
Jadual	6.14 Faktor Penyebab Kemajuan	191
Jadual	6.15 Faktor Yang Menyatakan Pesantren Belum Maju	193
Jadual	6.16 Pelajaran Umum Dalam Pesantren	195
Jadual	6.17 Keyakinan Terhadap Pesantren	196
Jadual	6.18 Yang harus Dilakukan Pesantren Agar Lebih Diminati	198
Jadual	6.19 Pengaruh Pesantren Terhadap Masyarakat	199
Jadual	6.20 Anak Yang Bersekolah Di Pesantren	200
Jadual	6.21 Keuntungan Sekolah Di Pesantren	201
Jadual	6.22 Kerugian Sekolah Di Pesantren	202
Jadual	6.23 Faktor Kelemahan Pesantren	203
Jadual	6.24 Pesantren Perlu Dikembangkan	204
Jadual	6.25 Penyebab Sedikitnya Minat Masyarakat Bersekolah Di Pesantren Moden	205
Jadual	6.26 Adat Melayu Yang Bercanggah Dengan Tradisi Pesantren	206
Jadual	6.27 Pesantren Sebagai Alternatif Pendidikan	208
Jadual	7.1 Sistem Pendidikan Yang Sesuai	212
Jadual	7.2 Kesiapan yang Diperlukan Anak Didik	213
Jadual	7.3 Keadaan Pendidikan Pada Masa Sekarang	214
Jadual	7.4 Kemampuan Sekolah Membentuk Anak Didik	215
Jadual	7.5 Hubungan Masalah Sosial Pelajar Dengan Sekolah	215
Jadual	7.6 Aspek Yang Harus Diperbaiki	216
Jadual	7.7 Faktor Penyebab Kemajuan	218
Jadual	7.8 Keyakinan Terhadap Pesantren	220
Jadual	7.9 Upaya Penambahbaikan Pesantren	220

Jadual	7.10 Keuntungan Bersekolah di Pesantren	222
Jadual	7.11 Kerugian Sekolah di Pesantren	223
Jadual	7.12 Faktor Kelemahan Pesantren	224
Jadual	7.13 Faktor Penyebab Sedikitnya Minat Masyarakat Menyekolahkan Anak di Pesantren	225
Jadual	7.14 Adat Melayu Yang Bertentangan Dengan Tradisi Pesantren	226

## RAJAH

Rajah	1.1 Proses Banturan Nilai	3
Rajah	2.1 Konsep dan Tujuan Pendidikan Islam	31
Rajah	2.2 Tiga Komponen Individu Muslim menurut Al-Ghazali	35
Rajah	2.3 Kedudukan Fikir Menurut Perspektif Al-Quran dan Bukan Al-Quran	37
Rajah	2.4 Pengaruh Ajaran Agama Dalam Membentuk Tamadun Dunia	42
Rajah	2.5 Hubungan Ajaran Islam dan Ibadah	46
Rajah	2.6 Komponen Manusia Mengikut Al Ghazali dan Kerangka Pemikiran Analitikal Weber da Teori Pilihan Rasional	50
Rajah	2.7 Pengaruh Ajaran Agama Dalam Membentuk Tamadun Dunia (Mengikut Al Ghazali, Weber dan Teori Pilihan Rasional)	51
Rajah	3.1 Penentuan Responden	60

## ABSTRAK

*Katakunci: Pendidikan, Pembangunan, Pesantren Moden, Alternatif Pendidikan, Masyarakat Melayu, dan Persepsi Masyarakat.*

Telah diterima umum bahawa pendidikan adalah satu alat dalam proses pembangunan dan modernisasi sesebuah masyarakat. Di Indonesia, lembaga pendidikan tradisional Islam yang dikenali sebagai *pesantren* telah lama wujud. Sistem pendidikan tradisional ini telah mengalami perubahan dan pemodenan yang kini dikenali sebagai *Pesantren Moden*. Dapat diperhatikan bahawa sistem pendidikan ini telah mendapat perhatian dan tumpuan masyarakat sebagai satu alternatif pendidikan kepada sistem pendidikan umum sedia ada yang mula dipersoalkan kualitinya. Perkara ini timbul kesan daripada kemerosotan akhlak di kalangan pelajar-pelajar seperti penyalahgunaan dadah, kes-kes juvana seperti perkelahian, amalan sex bebas dan sebagainya. Perkara ini telah menyebabkan sekolah-sekolah umum ini dianggap gagal mendidik para pelajar di kalangan anggota masyarakat.

Sememangnya pesantren sebagai lembaga pendidikan disukai oleh orang Melayu di kawasan kajian kerana hakikatnya masyarakat Melayu di Sumatera (bukan sahaja di Malaysia) mempunyai hubungan yang unik dengan agama Islam; *iaitu orang Melayu itu semestinya Islam* dan Islam merupakan tunjang atau asas bagi sistem pendidikan pesantren. Sungguhpun begitu kenyataannya ialah hasil penelitian di empat pesantren dalam kajian ini mendapati masih sedikit jumlah santri (pelajar pesantren) yang berketurunan Melayu. Untuk menilai dan menganalisis fenomena ini, responden kajian telah dibahagikan kepada dua kelompok, iaitu 1) kelompok pesantren (ustaz, santri dan alumni) dan 2) kelompok masyarakat (masyarakat umum dan tokoh masyarakat).

Walaupun pesantren moden ini boleh dianggap sebagai alternatif bagi pendidikan umum, hasil kajian mendapati bahawa minat masyarakat Melayu masih lagi kurang disebabkan kurangnya maklumat dan pengetahuan tentang pesantren moden yang sampai kepada mereka. Kekurangan maklumat ini menyebabkan pandangan masyarakat umum masih lagi tidak berubah iaitu ia (pesantren moden) masih lagi seperti dulu. Ini ditambah lagi dengan kos pembelajaran di pesantren yang jauh lebih mahal berbanding sekolah umum.

Adalah amat penting bagi pihak pentadbiran pesantren untuk memperbaiki usaha memperbaiki kualiti pesantren seperti: 1) meningkatkan kualiti pemakanan, prasarana dan peralatan di asrama dan di kelas-kelas; 2) menyediakan tenaga pengajar yang berpendidikan tinggi dan berkualiti; 3) memperkenalkan diri kepada masyarakat dengan lebih agresif lagi. Dengan demikian, adalah diharapkan peluang pesantren moden untuk dipilih sebagai alternatif pendidikan di kalangan masyarakat akan menjadi lebih besar dan lebih baik lagi.

# THE PERCEPTION OF THE MALAY ETHNIC ON THE MODERN PESANTREN IN KOTAMADYA MEDAN, NORTH SUMATRA

## ABSTRACT

*Keywords: Education, Development, Modern Pesantren, Alternative Education, Malay Society, and Perception*

It is widely accepted that education is an aid in the process of developing and modernising a society. In Indonesia, an Islamic traditional institution of learning known as pesantren has long been in existence. This traditional form of education has now undergone much changes in the way of modernizations, and is now called as the *modern pesantren*. According to observations, this form of education has drawn the attention and has become the hope of the society as an alternative to that of the public school, the quality of which is of late highly questioned. The impression among the society is that among the public schools, there is a decline in the quality of the morals of the students, such as the frequent use of forbidden drugs, cases of juvenile delinquencies, like fights among schools, the practice of free sex, etc. These negative acts create an assumption among the society that the public schools have failed in their missions.

In reality the pesantren as an institution of learning is well-liked by the Malay Society of the region of study, for basically the Malays in Sumatra (not only in Malaysia) have a unique connection with Islam, in that the Malays should be Muslims, and Islamic teaching-form the bases and the pillars of the education in the pesantren. However, the results of the present study showed that in the four pesantrens selected, the number of Malay santris (students of pesantren) in these pesantrens was quite low. To evaluate and to analyse this phenomenon, the respondents in the study were divided into two groups, viz. (1) the pesantren group comprising the teachers, students, and alumni, and (2) the society group comprising the general members of the society, and the leaders in the society.

Though the modern pesantren has been considered as an alternative to the public school system, the present study found that the low interest of the Malay Society in the modern pesantren was due to the lack of information and knowledge about the modern pesantren. This deficiency made them unaware of the changes that have taken place, and they felt that the modern pesantren was still the same as the old one. In addition the cost of studying in the pesantren was much higher than in the public schools.

Hence it is important for the pesantren people to improve their efforts in the raise of quality of the pesantren, such as (i) to increase the quality of the food served; to raise the standard of structures and buildings; to provide well-ventilated and comfortable hostels and class-rooms; (ii) to employ well-qualified teachers; (iii) to associate in amore aggressive manner with the society. Thus, it is hoped that the opportunity of the modern pesantren to be selected as an alternative form of education will be greater.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini membicarakan tesis secara keseluruhan iaitu latar belakang ketertarikan penulis memilih kajian, kenyataan permasalahan, persoalan-persoalan kajian, tujuan dan kepentingan kajian. Pada bahagian ini juga diterangkan organisasi tesis iaitu susunan serta isi daripada bab-bab yang ada pada tesis.

#### 1.1 Latar Belakang

Perkembangan dunia pada masa sekarang ini semakin menunjukkan kemajuan yang pesat dalam hampir segala bidang dan salah satu contoh yang utama ialah perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Banyak penemuan baru dicipta oleh para ilmuan dari pelbagai sudut dunia yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan, kesenangan dan kebahagiaan umat manusia. Para ilmuan tersebut berupaya mencipta kemajuan dalam bidangnya masing-masing ke arah yang lebih maju dan moden. Melalui pelbagai media massa dapat diketahui kemajuan-kemajuan yang dicipta para ilmuan dengan cepat dan terkini. Dalam bidang perubatan contohnya, para ilmuan mencipta ubat-ubat baru yang boleh mengubati pengidap penyakit merbahaya. Dalam dunia pertanian, misalnya, para ahli sains mencipta pelbagai jenis tanaman dengan hasil yang baik dan banyak dalam masa yang singkat. Dunia telekomunikasi juga menjadi lebih moden dengan wujudnya pelbagai media yang memungkinkan untuk mengetahui pelbagai peristiwa dunia, dan banyak lagi kemajuan-kemajuan lainnya.

Seiringan dengan proses modenisasi di atas telah mengakibatkan timbulnya globalisasi dunia. Teknologi komunikasi umpamanya, memudahkan kita mengetahui


pelbagai peristiwa di hampir merata tempat di seluruh pelosok dunia. Pada masa itu juga, teknologi komunikasi maklumat menjadikan hampir setiap individu terbuka terhadap kejadian mahupun kemajuan di merata tempat (Naisbitt & Aburdene, 1990).

Penemuan-penemuan baru dalam proses pemodenan dunia ini menimbulkan pengaruh positif dan negatif. Dari segi positifnya ia boleh meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan umat manusia. Ia juga mempermudah perhubungan antara sesama manusia sehingga dapat membina rasa kemanusiaan untuk saling memahami dan menghargai persamaan pandangan, keterbukaan terhadap nilai-nilai yang berlaku tanpa membezakan suku, ras, bangsa dan sebagainya. Dari segi negatifnya, penemuan-penemuan baru itu boleh membawa pengaruh yang bertentangan dan dapat merosak dasar-dasar kehidupan dan akar budaya yang dianuti sebelumnya (Daldjoeni & Sastrosupono, 1981).

Sering kita hadapi bahawa dari satu sudut, para ilmuan memberikan penemuan-penemuan baru yang sangat mutakhir (yang cenderung berkiblat ke dunia barat) dan menguntungkan kehidupan manusia. Di sudut yang lain pula kita sering mendengar dan melihat bagaimana rosaknya atau runtuhnya budaya, moral, dan nilai umat manusia terutama di kalangan generasi muda sekarang ini. Sering juga didapati ramai di kalangan generasi muda yang terbuai oleh '*kemajuan teknologi*' dan budaya yang dibawa bersamanya, sehingga melupakan nilai sosial masyarakat tempatan.

Dalam proses perkembangan masyarakat, *benturan* atau perubahan nilai memang tidak boleh dihindarkan. Sebagaimana yang terjadi pada setiap perkembangan dan kemajuan masyarakat, biasanya diikuti oleh benturan nilai. Konsep benturan nilai dapat digambarkan oleh rajah 1.1 berikut. Ini mencerminkan adanya nilai-nilai yang

sedikit sebanyak telah mapan yang kemudian diresapi oleh nilai-nilai baru yang sedang tumbuh dan mempengaruhi masyarakat (Daldjoeni & Sastrosupono, 1981).



Rajah 1.1: Proses Pembentukan Nilai

Dalam keadaan seperti itu, masyarakat dihadapkan kepada pelbagai pilihan untuk dipegang sebagai nilai yang boleh diyakini dan dilaksanakan. Sebaliknya hal ini tidak menutup kemungkinan bahawa ada orang-orang yang menghadapi masalah dalam menentukan pilihan dan keyakinan.

Menyedari banyaknya cabaran dan benturan nilai tersebut, dirasakan amat perlu untuk meninjau kembali masalah asas dalam sesebuah masyarakat, yakni masalah **agama** dan **pendidikan**. Hal ini perlu kerana masalah agama dan pendidikan merupakan kunci kepada segala perkembangan dan kemajuan suatu masyarakat atau bangsa. Persoalan mengenai nilai ini bermakna perlunya dasar-dasar serta pegangan (pedoman) yang kuat bagi masyarakat yang sedang maju untuk menangani benturan

nilai yang berlaku. Untuk itu maka agama dan pendidikan sangat diperlukan sebagai benteng yang mempertahankan nilai-nilai kemasyarakatan setempat (Daldjoeni & Sastrosupono, 1981).

Dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan itu diperlukan individu-individu yang benar-benar bersiap sedia dalam menghadapi cabaran-cabaran kehidupan, dan istilah yang biasa digunakan ialah *siap-pakai*. Individu siap-pakai bermakna seseorang itu mestilah dapat berperanan aktif dalam mengisi keperluan-keperluan pembangunan. Ia mestilah seorang individu yang terdidik; berpengetahuan luas, baik tentang pendidikan umum mahupun agama; berketerampilan; bermoral tinggi; dan mandiri. Untuk mewujudkan individu siap-pakai yang dimaksudkan di atas tadi, mesti diwujudkan satu sistem pendidikan yang mampu menahan arus negatif<sup>1</sup> akibat modenisasi, menyediakan pendidikan yang seimbang antara pendidikan agama dan pendidikan umum (duniawi).

Dewasa ini institusi pendidikan yang sedia ada seperti sekolah-sekolah umum formal di Indonesia sering dipersoalkan kualitasnya. Sekolah-sekolah umum ini dianggap lebih mengutamakan penguasaan kognitif (cognitive) daripada penguasaan afektif (affective). Selain itu sistem pendidikan yang berlaku tidak selari dengan pasaran, sehingga kebanyakan daripada mereka yang telah menyelesaikan pendidikan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap akademik dan kemahiran mereka.

Masalah ini banyak diketengahkan dalam banyak seminar tentang peningkatan mutu pendidikan antaranya ialah Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan (IKIP) Medan

---

<sup>1</sup> Pengkaji ingin menegaskan bahawa konotasi 'negatif' yang digunakan di sini bukanlah bermaksud semua kesan-kesan pembangunan adalah negatif, bahkan banyak yang baik daripada yang buruknya. Yang dimaksudkan di sini ialah kesan-kesan negatif seperti gejala budaya kuning seperti seks rambang, penyalahgunaan dadah dan sebagainya.

telah mengadakan kolokium bertajuk "*Lokakarya Peningkatan Pendidikan*" yang membahaskan tentang "Pendidikan Di Indonesia Masih Menghadapi Masalah Mutu". Rektor IKIP Negeri Medan. Prof. Hajah Djanius Djamin SH. MS. (Mac 1999), telah mengemukakan bahawa sehingga saat ini pendidikan di Indonesia masih menghadapi masalah mutu yang rendah. Menurutnya,

"Permasalahan ini tidak hanya disebabkan oleh tingginya intensitas tuntutan terhadap keperluan terhadap sistem pendidikan, tetapi lebih cenderung disebabkan oleh rumitnya jalinan masalah tersebut sehingga bergerak menuju ke arah yang tidak beraturan.... Untuk mengatasi masalah tersebut akan segera dilakukan perbaikan-perbaikan sistem pendidikan untuk menciptakan suasana akademik yang lebih mengarah kepada peluang setiap sivitas akademika IKIP MEDAN supaya berpartisipasi seoptima mungkin sehingga tercipta suasana kompetisi sihat yang berorientasi pada mutu" (Waspada; 03 Mac 1999).

Selanjutnya beliau menambah bahawa sekolah-sekolah umum ini juga dipertikaikan kerana dianggap tidak boleh membina keperibadian yang bersesuaian dengan nilai budaya dan agama masyarakat. Sekolah umum dianggap hanya memberikan pengajaran tetapi tidak mampu mendidik<sup>2</sup> para pelajar. Hal ini diperhatikan berdasarkan banyaknya masalah di kalangan remaja khasnya pelajar yang berlaku pada masa kini, seperti menghisap rokok, mengguna heroin dan ubat-ubat terlarang, kes-kes seksual, dan lainnya.

Yang lebih membimbangkan ialah pernyataan bekas Naib Presiden Republik Indonesia BJ Habibi sendiri tentang institusi pendidikan di Indonesia yang dianggap tidak dapat menghasilkan lulusan bermutu tinggi. Beliau menyatakan demikian dalam

---

<sup>2</sup> Pengajaran adalah suatu usaha memindahkan pengetahuan atau ilmu yang dimiliki oleh pengajar sehingga timbul gambaran yang jelas kepada pelajar. Dengan kata lain kegiatan pengajaran adalah membentangkan, memaparkan, memperjelaskan isi pengetahuan atau ilmu yang diajarkan sehingga timbul gambaran yang jelas pada pelajar. Sedangkan pendidikan merupakan suatu kegiatan merubah dan membentuk individu menjadi corak diri (keperibadian), personaliti (yang bernilai tinggi). Mendidik suatu upaya untuk membaiki dan membentuk keperibadian individu, misalnya diri yang pemalas dirobah menjadi giat dan tekun bekerja, diri yang bodoh dirobah menjadi ahli dan cekap kerja.

ucapannya semasa membuka Munas<sup>3</sup> IV Badan Musyawarah Perguruan Tinggi Swasta di Istana Negara pada 8hb. Mac 1999. Secara khasnya beliau menyatakan bahawa:

“Tingkat kualiti sumber daya manusia Indonesia relatif tertinggal bila dibanding negara-negara tetangga. Kenyataan ini memacu kita untuk melakukan terobosan-terobosan guna meningkatkan mutu lulusan pendidikan, antara lain dengan menyelenggarakan pendidikan tinggi yang lebih berorientasi pada pengembangan keunggulan. Fokusnya adalah bagaimana mengembangkan dan memantapkan keunggulan itu dalam keseluruhan isi pendidikan yang kontributif pada peningkatan kualiti sumber daya manusia”. (Waspada, 10 Mac 1999).

Dalam menghadapi masalah tersebut adalah dirasakan perlu sebuah institusi pendidikan yang mampu mencari jalan keluar bagi menangani permasalahan ini. Institusi pendidikan yang boleh menyediakan pendidikan baik secara kognitif mahupun efektif. Untuk ini pengkaji memilih pesantren sebagai objek kajian. Pemilihan ini dibuat kerana sistem pesantren berupaya menyeimbangkan agama dan pendidikan umum. Pendidikan di pesantren bertujuan bukan sahaja untuk memperkayakan pelajar-pelajar dengan penjelasan-penjelasan, bahkan juga melatih mereka untuk bersemangat tinggi, bermoral dan beretika, dan menghargai nilai-nilai keagamaan dan kemanusiaan. Mereka juga diajar untuk bersikap dan bertingkah laku yang jujur dan luhur seperti hidup bersederhana dan sentiasa mempunyai hati yang bersih.

Di Indonesia, pesantren itu sendiri merupakan suatu institusi pendidikan tradisional Islam yang telah lama wujud, namun ia mampu bertahan dan terus berkembang hingga ke saat ini. Perkataan pesantren berasal dari bahasa Sanskrit iaitu *Santi* yang bermakna orang baik, *Tra* bermakna suka menolong, *Santra* bermakna orang baik yang suka menolong. Pesantren pula bermakna tempat untuk membina orang

---

<sup>3</sup> Munas ialah singkatan daripada Musyawarah Nasional

menjadi baik. Ciri-ciri suatu pesantren ialah terdapatnya pondok, pengajaran dengan kitab-kitab Islam yang klasik, santri<sup>4</sup> dan kyai (Abu Hamid, 1983).

Pada mulanya pesantren dikenal sebagai institusi pendidikan Islam yang berfungsi menyebar dan mempelajari agama Islam. Selanjutnya, institusi ini selain sebagai pusat pengembangan dan pembelajaran agama ia juga mengusahakan tenaga-tenaga bagi pengembangan agama. Agama Islam mengajarkan tatasusila dalam berhubungan tidak sahaja dengan tuhannya malahan juga dengan sesamanya dan dunianya (M. Dawam Rahardjo, 1988).

Pesantren banyak berperanan mendidik sebahagian besar bangsa Indonesia sebelum institusi pendidikan lain yang berpola barat wujud di Indonesia. Institusi pendidikan ini memiliki sistem pengajaran yang berbeza daripada sistem lain, seperti para santri tinggal bersama dalam suatu lingkungan, hidup dalam kesederhanaan dan berpedoman pada ajaran-ajaran Islam. Para santri dimestikan tinggal di pondok-pondok di dalam pesantren, dan mempelajari pelbagai pengetahuan dan cara kehidupan sehari-hari yang sesuai dengan ajaran Islam. Sistem pondok ini memungkinkan masa pertemuan antara guru dengan pelajar menjadi semakin luas. Dengan demikian setiap persoalan yang dirasakan pelajar segera akan memperolehi perhatian dan penyelesaian. Perjumpaan pelajar dan guru tidak terhad oleh masa pertemuan di kelas sahaja. Lain seperti sekolah umum ataupun kejuruan, masa yang terhad antara pukul 7.30 sehingga 1.30 tengah hari menyebabkan guru tidak dapat menumpu sepenuh perhatian kepada setiap pelajar. Masa yang terhad ini menyebabkan pelajar tidak berkesempatan mendapat penerangan dan penjelasan yang memuaskan. Melalui sistem pondok, kesempatan tersebut dapat dilanjutkan di luar kelas. Pada pertemuan tersebut, bukan hanya terhad pada persoalan-persoalan yang berhubungkait dengan pengajaran di kelas

---

<sup>4</sup> Santri adalah sebutan bagi pelajar-pelajar yang bersekolah di pesantren.

sahaja boleh dipecahkan dengan segera, malahan juga kesukaran-kesukaran yang timbul di luar kelas dapat dimintakan keterangannya daripada guru atau rakan lain yang berada dalam asrama (M. Dawam Rahardjo, 1988). Di sini terdapat suatu ikatan yang erat antara sesama santri, cara pembelajaran yang diberikan berbeza dengan sekolah umum biasa.

Pada masa ini penglibatan pesantren dalam menyediakan keperluan pendidikan kepada masyarakat adalah sangat besar. Namun pada hakikatnya, masih banyak orang Islam sendiri yang tidak begitu yakin dan menganggap pesantren kurang berkemampuan memberikan jaminan kepada pelajar-pelajar untuk memperolehi pekerjaan di luar bidang keagamaan setelah selesai daripada pendidikannya. Pesantren tidak diyakini kerana kurangnya pendidikan umum seperti yang diajarkan pada sekolah umum yang setaraf dengannya (M. Yakub, 1985).

Hal ini boleh berlaku kerana masyarakat masih berpandangan bahawa pesantren yang sedia ada masih bersifat tradisonal. Pada masa dahulu pesantren tradisonal dianggap hanya mengajarkan ilmu-ilmu agama dengan berpedoman pada kitab kuning.<sup>5</sup> Dari segi fizikal dan prasarana, ia mencerminkan pesantren yang sangat sederhana. Pesantren tradisonal juga dianggap lebih bersifat defensif dan kurang mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan zaman. Pesantren juga dianggap sebagai tempat buangan bagi anak-anak nakal. Ada kalangan anak-anak yang dihantar ke pondok ini, terdiri daripada anak-anak nakal yang sudah tidak mampu diurus oleh ibu-bapa masing-masing. Seperti yang dikemukakan oleh Ahmad Soediar, yang dikutip oleh Karel A. Steenbrink (1991), "... Tidak sedikit orang-orang Islam sendiri yang

---

<sup>5</sup> Kitab kuning adalah istilah yang biasa dipakai di lingkungan pesantren untuk kitab-kitab yang dijadikan standar pengajaran ilmu agama hampir di semua pesantren di Indonesia, dengan metode pengajaran yang bersifat non-klasikal. Buku-buku ini dikarang oleh ulama-ulama Islam Arab pada abad 12 sampai abad 15 Masehi (Pesantren no. 1/VolVII/1989)

menganggap bahawa institusi pesantren sebagai tempat buangan anak-anak mereka yang nakal atau kerana gagal di sekolah umum". Di samping itu pesantren tradisional dianggap tidak mampu memberikan jaminan kepada santri-santri untuk memperoleh pekerjaan di luar bidang keagamaan.

Walaupun demikian, ramai yang memasuki pesantren dengan harapan akan mendapat pendidikan yang benar-benar mendidik, memelihara nilai-nilai yang baik dalam kehidupan bermasyarakat. Ini bererti secara sedar ataupun tidak mereka mengakui bahawa melalui pesantren akan boleh dibina keperibadian yang diharapkan.

Dewasa ini, walaupun pondok pesantren secara mutlak bermakna sebagai institusi pendidikan Islam tradisional, tidaklah bererti seluruh pesantren itu tertutup dengan inovasi. Menurut Nuhandiatomo, setelah kemerdekaan negara tercapai (pada tahun 1945) pondok pesantren itu ada yang begitu terbuka dengan arus modenisasi tanpa meninggalkan nilai-nilai Islam, ada pula yang setengah terbuka, tetapi masih ada juga yang hampir tertutup sepenuhnya (M. Yakub, 1985). Tertutup sepenuhnya bukanlah bererti benar-benar tertutup daripada pengaruh luar kerana pada hakikatnya hubungan dan pengaruh luar mesti ada dalam masyarakat yang cukup kompleks ini. Pesantren (yang dikatakan menutup sepenuhnya terhadap arus modenisasi) sebenarnya mencuba membatasi sekecil mungkin daripada pengaruh luar. Bagi tujuan ini, pesantren terbabit berusaha menerapkan nilai-nilai murni Islam. Jadi kenyataan oleh pihak-pihak tertentu bahawa pesantren tertutup sepenuhnya terhadap arus modenisasi, tidak dapat diterima sepenuhnya. Dalam perkembangannya pada masa ini terdapat dua jenis pesantren iaitu pesantren salafiah dan pesantren moden. Sistem pesantren salafiah adalah sistem yang mempertahankan sistem (bahan pengajaran) yang sumbernya daripada kitab-kitab klasik Islam atau Kitab Kuning dengan huruf Arab gundul (Melayu

Lama/Jawi), pesantren ini biasanya disebut sebagai pesantren tradisional. Sedangkan pesantren moden merupakan pesantren yang material pengajarannya tidak hanya terpaku pada kitab-kitab klasik tetapi juga melibatkan pengetahuan umum lainnya. Sistem pengajarannya bersifat klasikal dan mempergunakan kemudahan moden.

Daripada ringkasan huraian di atas telah mendorong penulis untuk mengungkapkan pesantren dengan tata atau sistem pendidikan, yang dipercayai dapat dijadikan suatu sistem pendidikan moden dalam rangka mencipta generasi siap-pakai.

Pesantren yang menjadi objek pengkajian ialah pesantren moden dengan alasan melalui sistem moden tersebut diharapkan dapat memenuhi keinginan masyarakat akan institusi pendidikan yang sesuai dengan keperluan zaman. Sebagai kepentingan daripada kajian yang dilihat, maka penulis meninjau beberapa pesantren moden yang terdapat di Medan, Sumatera Utara, Indonesia.

## **1.2 Kenyataan Permasalahan**

Walaupun pesantren telah lama wujud di Indonesia, namun perkembangan pesantren itu sendiri tidak secepat perkembangan sekolah-sekolah umum. Ini disebabkan pada masa lalu pondok pesantren tidak lahir begitu sahaja, tetapi lahir secara perlahan. Pada amnya pesantren adalah milik seorang kyai, atau sekelompok keluarga. Kyai ini memiliki ilmu agama dan sering memiliki ilmu-ilmu ghaib lainnya, menyediakan diri untuk dipelajari ilmunya bagi yang memerlukannya. Mereka menyediakan tempat dengan menggunakan modal dan harta kekayaan sendiri. Sering pula berlaku, seseorang mewakafkan sebahagian kekayaannya, misalnya berupa tanah kepada kyai untuk dijadikan tempat pendidikan agama (M. Dawam Rahardjo, 1988). Ini menyebabkan perkembangan pesantren memerlukan jangka masa yang lama. Bermula

dengan beberapa orang santri sehingga menjadi terkenal dengan ramai santri dari daerah-daerah lain.

Sekarang ini, pesantren yang lebih dikenal sebagai pesantren moden, tidak lagi melalui proses penubuhan yang sedemikian lama. Ia tidak hanya milik seorang kyai tetapi lebih sering dimiliki oleh sekelompok orang yang biasanya disebut "Yayasan" atau "Badan Wakaf". Proses penyebarannya dilakukan secara terbuka, luas dan lebih moden sehingga perkembangannya dapat berlaku lebih cepat.

Namun apabila dibandingkan dengan perkembangan sekolah umum, maka pesantren masih tertinggal. Pada masyarakat pada masa sekarang lebih menyukai dan memilih sekolah umum daripada pesantren. Bahkan ada beberapa kalangan yang merasa malu apabila bersekolah di pesantren sebab takut dianggap kuno.

Kenyataan ini sangat terasa apabila dilihat dari segi jumlah sekolah umum yang ada berbanding dengan jumlah pesantren di Kotamadya Medan. Pada jadual 1.1, dapat dilihat bahawa jumlah sekolah umum jauh lebih besar apabila dibandingkan dengan pesantren.

Dalam hal ini, sekolah umum yang dimaksud ialah peringkat SMP dan SMU. Tingkatan SMP dan SMU sama dengan tingkatan Sanawiyah dan Aliyah di pesantren. Pesantren biasanya hanya menyediakan tingkatan Tsanawiyah dan Aliyah<sup>6</sup>, sedangkan Ibtidaiyah dan Perguruan Tinggi hanya terdapat di beberapa pesantren sahaja. Perbandingan tersebut dapat dilihat dengan jelas pada jadual berikut:

---

<sup>6</sup> Pada sekolah umum terdapat tingkatan-tingkatan pendidikan iaitu: Sekolah Dasar (SD), Sekolah Menengah Pertama (SMP), Sekolah Menengah Umum (SMU), dan Perguruan Tinggi (Universiti). Sedangkan dalam pesantren iaitu: Ibtidaiyah, Tsanawiyah, Aliyah, dan Perguruan Tinggi (lihat Bab IV).

Jadual 1.1 Jumlah Sekolah Tingkat SMP/SMU dan Pesantren di Kotamadya Medan tahun 1995

NO.	Jenis Sekolah*	Status		Jumlah
		Negeri	Swasta	
01.	Umum (SMP – SMU)	72	503	575
02.	Pesantren	-	9	9

Sumber: Departemen Pendidikan & Kebudayaan Kotamadya Medan dan Departemen Agama Kotamadya Medan

Ditinjau dari segi jumlah pelajar di Kotamadya Medan, didapati jumlah pelajar sekolah umum jauh lebih besar dibandingkan dengan jumlah para santri (jadual 1.2). Ini menunjukkan bahawa minat untuk bersekolah di pesantren masih sangat berkurangan, dan ini juga menjelaskan bahawa daya tarik pesantren itu sendiri masih sangat kecil.

Jadual 1.2 Jumlah Pelajar Tingkat SMP/SMU dan Pesantren di Kotamadya Medan Tahun 1995

NO.	Jenis Sekolah	Status		Jumlah
		Negeri	Swasta	
01.	Umum (SMP – SMU)	52,646	167,908	220,554
02.	Pesantren	-	2,775	2,775

Sumber: Departemen Pendidikan & Kebudayaan Kotamadya Medan dan Departemen Agama Kotamadya Medan

Perbezaan yang besar di antara jumlah sekolah dan jumlah pelajar sekolah umum dengan jumlah pesantren dan jumlah santri, merupakan salah satu sebab pengkaji tertarik untuk membuat kajian. Persoalan yang wujud iaitu, mengapa pesantren belum boleh mengimbangi atau paling tidak mendekati perkembangan sekolah umum? Persoalan ini semestinya tidak wujud, kerana pesantren yang ada kini adalah pesantren moden yang tidak sahaja membekali santrinya dengan ilmu-ilmu agama, tapi juga

dengan ilmu pengetahuan dan teknologi moden. Kesemua ilmu tersebut diperlukan oleh setiap individu dalam menghadapi era modenisasi dan globalisasi. Pesantren berusaha mencipta manusia yang siap-pakai, bermoral tinggi, berpengetahuan luas, beriman dan bertakwa.

Kenyataan ini berhubungkait dengan fenomena yang berkembang di kalangan generasi muda di perkotaan Indonesia saat ini, iaitu meningkatnya kes perkelahian antara pelajar sekolah umum; pelajar yang terbabit dalam narkotika (minuman keras, dadah dan pil ekstasi yang mendukung muncul tempat-tempat hiburan baru di kalangan pelajar/generasi muda seperti pub dan kelab malam), kes kecelakaan akibat aksi daripada para pelajar di lebuh raya; dan yang paling mengkhawatirkan saat ini ialah berkembangnya pola hidup bebas di antara jantina di kalangan remaja/pelajar.

Salah satu institusi yang diyakini boleh mencegah dan mengatasi meningkatnya fenomena di atas ialah institusi pesantren. Alasannya ialah kerana telah terbukti bahawa institusi pendidikan formal yang ada saat ini tidak efektif untuk mencegah timbulnya gejala sosial di atas. Namun demikian penglibatan masyarakat terhadap institusi ini sangat rendah dan apabila keadaan ini tidak segera dicegah, maka pada tahun mendatang dikhuatirkan generasi muda akan mengalami persoalan yang sangat serius. Oleh sebab itu pengetahuan terhadap faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk memanfaatkan pendidikan pesantren dirasakan sangat mendesak.

Secara teori jawapan yang boleh diberi daripada persoalan tersebut beraneka ragam dan luas, sama ada bersumber daripada masyarakat atau institusi pesantren itu sendiri. Untuk itu kajian ini berupaya mengetahui faktor yang diperkirakan menjadi penyebab utama masyarakat kurang berminat untuk memanfaatkan institusi pesantren sebagai institusi pendidikan alternatif, iaitu institusi pendidikan pesantren moden.

### 1.3 Kajian Rintis

Sebelum kajian ini dilakukan, pengkaji terlebih dahulu melakukan penyelidikan awal. Kajian rintis ini dilakukan dengan dua tujuan, iaitu:

1. Menguji kelayakan soal-selidik kajian, bertujuan mengetahui apakah soal-selidik kajian tepat dan sesuai diberikan kepada responden dan apakah soalan-soalan yang diajukan dalam soal-selidik boleh menjawab persoalan-persoalan kajian.

Daripada kajian rintis tersebut diperoleh beberapa hal yang mesti diperbaiki daripada soal-selidik tersebut terutamanya penyusunan kalimat agar lebih mudah difahami oleh responden. Selain itu ada soalan yang ditambah untuk lebih menyempurnakan jawapan-jawapan yang boleh menjawab persoalan kajian.

2. Mengetahui jumlah santri yang bersuku Melayu di keempat-empat pesantren yang menjadi lokasi penyelidikan. Dengan demikian diketahui seberapa besar minat dan kemampuan masyarakat Melayu terhadap pesantren moden secara umum.

Jadual 1.3 Jumlah santri berdasarkan suku

No	Pesantren Suku	Raudhatul Hasanah	Al-Kaustar Al-Akbar	Nurul Hakim	Darul Arafah	Jumlah
01.	Jawa	312	107	169	415	1.003
02.	Mandailing	225	122	110	362	819
03.	Batak	198	125	23	105	451
04.	Minang	176	81	97	221	575
05.	Aceh	159	152	9	51	371
06.	Melayu	98	54	35	114	301
07.	Karo	94	5	5	97	21
08.	Dairi	38	28	-	9	75
09.	Banjar	26	9	-	13	48
10.	Lain-lain	19	10	22	36	87
Jumlah		1.345	703	470	1423	3.941

Sumber: Hasil kajian rintis

Daripada hasil kajian rintis tersebut diperoleh taburan santri berdasarkan suku (jadual 1.3) iaitu bahawa santri suku Melayu terbilang sedikit berbanding suku-suku lain.

#### 1.4 Andaian Asas

Andaian asas kajian ini berguna untuk membantu dan mengarahkan kajian. Ianya bukan merupakan sesuatu hipotesis yang mesti diuji. Andaian asas yang digunakan pada kajian ini iaitu:

1. Sikap mengejar keredhaan Tuhan akan mempengaruhi ibu-bapa untuk mengantar anak ke pesantren moden.

Kajian ini mengkaji masyarakat suku Melayu yang diidentikkan dengan Islam. Masyarakat Melayu sentiasa menginginkan keredhaan Tuhan. Dengan demikian, masyarakat Melayu sebagai masyarakat Islam dianggap wajar apabila memilih pesantren moden dan berperanan dalam memajukan pesantren moden sebagai institusi pendidikan yang berteraskan Islam.

2. Pesantren moden berkemampuan untuk membina akhlak mulia dan memberikan kemampuan untuk mengurus tamadun dunia.

Andaian ini menjelaskan bahawa melalui pesantren moden akan terbina anak didik yang berakhlak mulia, taat beribadah dan sekaligus terbinanya generasi yang cerdik-pandai yang boleh berperanan aktif dalam pembangunan.

#### 1.5 Persoalan Kajian

Daripada keseluruhan huraian yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

1. *Bagaimanakah pandangan masyarakat Melayu terhadap pesantren moden masa kini?*

Bahagian ini akan mengkaji dan meneroka pandangan masyarakat suku Melayu terhadap pendidikan umum dan juga pesantren moden. Antara persoalan-persoalan yang dikemukakan ialah:

- (i) *Apakah tujuan atau manfaat pendidikan?*
- (ii) *Bagaimana keadaan pendidikan umum sedia ada kini?*
- (iii) *Apakah pendidikan sedia ada mencukupi dari aspek kualitinya?*
- (iv) *Apakah yang diketahui tentang pesantren dan pesantren moden?*
- (v) *Apakah kekurangan dan kelebihan pesantren moden dibandingkan dengan sekolah-sekolah umum?*
- (vi) *Apakah keuntungan atau kerugian menyekolahkan anak di pesantren?*
- (vii) *Apakah pesantren moden dapat diterima sebagai sebuah institusi pendidikan?*
- (viii) *Apakah harapan-harapan masyarakat terhadap pesantren?*

2. *Bagaimanakah persiapan pesantren moden sebagai salah satu institusi pendidikan dalam mengatasi tuntutan zaman pada masa sekarang dan akan datang?*

Bahagian ini akan mengkaji struktur dan sistem pendidikan di pesantren. Soalan-soalan yang dikemukakan di bawah ini juga ditujukan kepada pihak pentadbiran pesantren seperti pengetua, ustaz dan ustazah:

- (a) *Apakah kurikulum pendidikan pesantren?*
- (b) *Bagaimanakah sistem pengajaran dilaksanakan baik yang bersifat umum mahupun agama?*
- (c) *Bagaimanakah pengaruh pendidikan pesantren terhadap santri (penuntut-penuntut pesantren)?*
- (d) *Apakah kekuatan dan kelemahan sistem pendidikan pesantren?*
- (e) *Bagaimanakah hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar?*

### 1.6 Tujuan Kajian

Kajian lepas yang banyak dilakukan mengenai pesantren lebih menumpu pada persoalan yang cenderung melihat proses perkembangan pesantren atau hubungkait

pesantren terhadap pembangunan daerah tempatan. Ianya tidak secara mengkaji pandangan masyarakat terhadap pesantren. Maknanya, penyelidikan yang mengkaji pandangan masyarakat luar terhadap perkembangan pesantren. Oleh itu, penyelidikan ini dilakukan untuk mengetahui hal-hal berikut:

- a. Mengetahui pandangan masyarakat suku Melayu di Kotamadya Medan terhadap institusi pesantren moden. Dengan demikian akan diketahui sama ada pesantren moden dapat diterima sebagai satu alternatif pendidikan bagi masyarakat Melayu.
- b. Mengenal pasti potensi-potensi sistem pendidikan Islam (pesantren moden) dalam proses pembangunan baik fizikal mahupun rohani bagi masyarakat Melayu khususnya.

### **1.7 Ruang Lingkup dan Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan kajian diskriptif yang bertujuan melihat pandangan dan pilihan tindakan masyarakat suku Melayu terhadap pesantren moden dan peranan pesantren moden sebagai alternatif pendidikan bagi masyarakat Melayu. Sebagai suatu kajian diskriptif maka kajian ini dilakukan tanpa hipotesis yang telah dirumuskan secara nyata, dan ia bersifat memaparkan secara terperinci suatu fenomena yang dikaji (Masri Singarimbun & Sofian Effendi, 1982).

Kajian ini mengkaji pesantren moden sebagai institusi pendidikan Islam. Ia tidak mempersoalkan baik ataupun buruknya ajaran Islam tetapi menumpukan kepada sistem pendidikan yang bercorak Islam. Kajian ini meninjau pandangan masyarakat terhadap pesantren moden sama ada boleh dijadikan alternatif bagi pemilihan pendidikan ataupun tidak.

Jelasnya kajian ini dilakukan untuk mendeskripsi dan memahami pandangan-pandangan masyarakat Melayu mengenai pesantren dalam menjalankan peranannya sebagai suatu institusi pendidikan yang mampu menjawab cabaran di masa depan. Artinya institusi yang mampu melahirkan anak didik yang berkualiti baik dari segi agama maupun pengetahuan umum.

Penyelidikan ini menumpukan kajian pada masyarakat Melayu di Kotamadya Medan berdasarkan kepada alasan-alasan berikut :

- i.) Suku Melayu merupakan suku asli di Kotamadya Medan
- ii.) Suku Melayu merupakan salah satu daripada suku majoriti di Kotamadya Medan, maknanya jumlah masyarakat suku Melayu berbilang besar di Medan.
- iii.) Suku Melayu selalu identik dengan Islam, artinya hampir keseluruhan tradisi dan budaya masyarakat Melayu berasaskan ajaran Islam (M. Nawi Abdullah, 1996).

Dengan latar belakang ini, sepatutnya masyarakat Melayu memberi perhatian yang lebih terhadap institusi pendidikan Islam ini. Dengan kata lain masyarakat Melayu ialah masyarakat yang diharapkan dapat mengembangkan dan memilih pesantren moden sebagai alternatif pendidikan.

Untuk kelompok pesantren, empat buah pesantren yang terdapat di kawasan Sumatera Utara, Indonesia, dipilih sebagai lokasi kajian, iaitu:

1. Pesantren Al-Kautsar Al-Akbar
2. Pesantren Ar-Raudhatul Hasanah
3. Pesantren Nurul Hakim
4. Pesantren Darul Arafah

Berikut adalah faktor-faktor yang menyebabkan pengkaji memilih pesantren-pesantren tersebut sebagai lokasi kajian:

- (i) Pesantren-pesantren tersebut merupakan pesantren moden yang cukup besar dan terkenal (popular) di Sumatera Utara.
- (ii) Jumlah santri setiap pesantren tergolong besar dan sangat heterogen dan mengalami peningkatan pada setiap tahun.
- (iii) Fasiliti pesantren yang tergolong moden.

### 1.8 Kepentingan Kajian

Manfaat yang akan diperoleh dari kajian ini ialah:

1. Pengkaji dapat memahami lebih mendalam mengenai peranan pesantren moden dalam melahirkan manusia siap-pakai (dari segi ilmu pengetahuan dan teknologi (iptek), moral, iman, dan lain-lain).
2. Membina masyarakat Melayu yang berpengetahuan luas (iptek), bermoral dan berakhlak tinggi dan bertakwa kepada ALLAH SWT, dengan tujuan agar masyarakat Melayu dapat mengambil peranan dalam mengisi pembangunan negara dan juga sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.
3. Supaya pihak pesantren memperoleh gambaran atau cadangan-cadangan mengenai harapan-harapan masyarakat terhadap penambahbaikan pesantren. Dengan demikian pesantren dapat melakukan pembaikan sehingga pesantren moden dapat diterima oleh masyarakat sebagai alternatif pendidikan moden.
4. Supaya tercipta masyarakat, khasnya masyarakat Melayu, yang boleh berperanan aktif dalam pembangunan.

### 1.9 Organisasi Tesis

Tesis ini terdiri daripada tujuh bab yang secara garis besarnya dapat dikelompokkan kepada empat bahagian. *Pertama*; meliputi tiga bab (bab I, II dan III)

## Bab 1: Pendahuluan

---

yang membicarakan mengenai pengenalan, kerangka teori dan kaedah penyelidikan. *Kedua*; terdiri daripada satu bab (bab IV) yang berisikan perbincangan mengenai sistem pendidikan di Indonesia dan diskripsi lokasi penyelidikan. *Ketiga*; mengandungi dua bab (bab V dan VI) yang membicarakan temuan-temuan kajian dan analisis data. *Keempat*; (bab VII) merupakan bab yang mengandungi kesimpulan-kesimpulan dan cadangan.

### Bab 1. Pendahuluan :

Bahagian ini membicarakan latar belakang kajian, kenyataan kenyataan yang berhubungkait dengan persoalan kajian, ruang lingkup dan batasan kajian, tujuan kajian, serta kepentingan kajian.

### Bab 2. Tinjauan Pustaka

Bahagian ini membicarakan kerangka teori yang boleh membantu penganalisan data. Bahagian pertama membicarakan pendidikan menurut Islam seperti: pengertian, tujuan dan kaedah pendidikan Islam. Bahagian kedua membicarakan tiga teori yang dikemukakan oleh: (a) Al-Ghazali, yang membahas tentang manusia Islam; (b) Max Weber, membicarakan kemungkinan adanya hubungan antara ajaran agama dengan perilaku ekonomi dalam mencipta tamadun dunia; (c) Stark dan Bainbridge, yang berasaskan teori pertukaran iaitu bahawa kesemua atau hampir kesemua tindakan dan perhubungan manusia dilihat sebagai proses pertukaran, yang bermaksud selalu mempertimbangkan untung dan rugi mahupun ganjaran yang akan diperolehi daripada tindakan yang dilakukan. Bahagian terakhir merupakan kesimpulan dan rumusan kerangka teoriti yang disusun berdasarkan ketiga-tiga teori tersebut.

### Bab 3. Kaedah Penyelidikan

Bab ini membincangkan dengan terperinci bagaimana kajian dilakukan, meliputi perbincangan mengenai: kaedah yang digunakan, kawasan dan responden penyelidikan, teknik pengumpulan data dan teknik analisis data.

### Bab 4. Deskripsi Sistem Pendidikan Di Indonesia dan Kawasan Kajian

Bab ini membincangkan dua pokok bahasan iaitu pertama: menerangkan secara ringkas sejarah pendidikan di Indonesia dan pengelompokan ataupun macam-macam system pendidikan di Indonesia; kedua: menerangkan secara ringkas kawasan kajian iaitu kawasan Kotamadya Medan dan empat kawasan pesantren.

### Bab 5. Persepsi Santri, Ustaz dan Alumni Terhadap Pesantren Moden

Bahagian ini akan membincangkan persepsi kelompok pesantren. Temuan-temuan kajian yang diperolehi akan dibincangkan dan kemudian dilakukan penganalisan data. Temuan dan analisa data dilakukan secara terpisah pada dua kelompok responden, iaitu: kelompok santri; kelompok ustaz dan alumni. Bagi setiap kelompok responden dibahas perbincangan mengenai identitas reponden, pandangan responden terhadap pendidikan secara umum dan pandangan responden terhadap pesantren. Kesimpulan juga dibuat pada setiap bahagian berdasarkan analisis yang dilakukan.

### BAB 6. Persepsi Ahli-ahli Masyarakat Terhadap Pesantren Moden

Bahagian ini akan membincangkan persepsi kelompok masyarakat. Seperti halnya pada kelompok pesantren maka temuan-temuan kajian yang diperolehi juga dibincangkan dan kemudian dilakukan penganalisan data. Kelompok ini terdiri

## Bab 1: Pendahuluan

---

daripada kelompok masyarakat umum dan kelompok tokoh masyarakat. Perbincangan pada kelompok ini dilakukan secara bersamaan iaitu mengenai identiti responden, pandangan responden terhadap pendidikan secara umum dan pandangan responden terhadap pesantren. Kesimpulan yang dibuat merupakan kesimpulan pada kedua-dua kelompok tersebut.

## Bab 7. Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini merupakan Bab penutup yang terdiri daripada bahagian yang membincangkan kesimpulan-kesimpulan perbincangan, cadangan-cadangan dan arahan bagi kajian selanjutnya.

## BAB 2

### TINJAUAN PUSTAKAAN DAN KERANGKA TEORITIKAL

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan pendidikan Islam dan kerangka teorikal yang mendukung perbincangan pendidikan Islam. Dalam perbincangan mengenai pendidikan Islam dilihat bagaimana pandangan Islam terhadap pendidikan seperti: tujuan pendidikan dalam Islam dan kaedah pendidikan Islam. Perbincangan teori pula membincangkan tiga pandangan iaitu yang dikemukakan oleh: Al-Ghazali, Weber, Stark dan Bainbridge.

Teori yang dikemukakan Al-Ghazali melihat konsep manusia dan kaitannya dengan pendidikan yang ditujukan untuk melahirkan manusia Islam. Weber, melihat keterkaitan antara ajaran agama dan pengaruhnya ke atas perilaku ekonomi dan pembangunan tamadun dunia. Stark dan Bainbridge pula membincangkan persoalan agama dan bagaimana individu menentukan pilihan-pilihan tindakannya secara rasional.

Setelah membincangkan secara terperinci mengenai ketiga-tiga teori tersebut, pada bahagian akhir dirumuskan bagaimana ketiga-tiga teori tersebut dapat digunakan untuk membina kerangka teoritikal dalam menganalisis perilaku masyarakat sama ada memilih ataupun menolak pesantren moden sebagai institusi pendidikan.

#### 2.1 Pengertian, Tujuan dan Kaedah Pendidikan Islam

Dalam membicarakan pendidikan Islam adalah penting terlebih dahulu memahami apa yang dimaksud dengan pendidikan secara am. Tujuannya ialah membuat

suatu pengertian mengenai pendidikan tersebut kerana pengertian-pengertian pendidikan itu sendiri boleh menimbulkan pandangan yang berbeza. Satu pihak mengertikan pendidikan sebagai proses pembelajaran yang menyentuh aspek akal, pihak lain pula mengertikannya sebagai pembentukan sikap dan mental, dan adapula yang menggabungkan kedua-dua pengertian tersebut dengan melibatkan aspek lain seperti nilai dan budaya. Untuk itu terlebih dahulu dijelaskan pengertian pendidikan menurut beberapa pakar.

Menurut Mohd. Kamal Hasan (1988), pendidikan secara umum dapat ditakrifkan sebagai :

“ Proses perubahan-perubahan tingkah laku pada suatu individu sebagai hasil daripada pengalaman-pengalaman yang telah dilaluinya.”

Pengertian ini memberi makna bahawa pendidikan bukan hanya bererti penguasaan ilmu atau kemahiran tetapi juga meliputi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar institusi formal (sekolah). Ia merupakan gabungan antara pendidikan formal dan pendidikan non formal. Pendidikan juga merupakan proses pembangunan insan yang berlaku sepanjang hayat, oleh itu proses tersebut tidak dapat diserahkan kepada satu agensi sahaja. Ia meliputi semua agensi seperti: sekolah, keluarga dan masyarakat yang masing-masing mempunyai saham tertentu dalam pembangunan ummah.

Pengertian lain pendidikan ialah bahawa pendidikan itu merupakan suatu proses untuk menemukan dan mengembangkan kemampuan-kemampuan (abilities) yang sifatnya berbentuk umum pada semua manusia. Jadi pendidikan ialah proses menampakkan (manifest) yang tersembunyi (latent) pada anak didik (Hasan Langgulung, 1991). Pengertian di atas menerangkan bahawa melalui pendidikan, anak didik berkemampuan menemu dan mengembangkan potensi-potensi yang ada pada